


Pelan Induk Penguasa Pengangkutan Darat (LTA)



Sepintas Mengenai Pengangkutan Darat 2030

2013 menandakan tahun kelima sejak LTA melancarkan Pelan Induk Pengangkutan Darat (LTMP) 2008

Kini tiba masanya untuk membuat semakan untuk mengatasi cabaran-cabaran baru dan melakarkan inisiatif-inisiatif baru yang akan membolehkan kita menerajui perjalanan pengangkutan darat dalam masa 10-15 tahun yang akan datang.

Untuk memastikan kita mendengar apa yang dikehendaki penumpang, kami bercakap dengan ramai dan perbualan ini sangat berguna. **Pelan induk ini dilakarkan dengan anda diminda.**

Kami sangat terhutang budi kepada mereka yang telah menyumbang terutama sekali Kawasanundi Perseorangan Yuhua dan Institut Kepimpinan Masyarakat Nasional atas pertolongan mereka, dan lebih daripada 100 Kawan LTA yang telah mengambil bahagian dalam sebanyak sembilan pusingan sesi perbincangan.

Daripada maklum balas yang telah dikumpulkan, kami telah mengenal pasti tiga aspek pengangkutan yang para penumpang pentingkan:

Lebih banyak sambungan


Menyambungkan anda ke lebih banyak tempat di mana anda bekerja, tinggal dan bermain

Mutu Perkhidmatan yang lebih baik

Memperbaiki lagi tahap kepercayaan, keselesaan dan kemudahan, tidak kira apa jua jenis pengangkutan yang anda gunakan

Masyarakat yang inklusif dan sesuai didiami

Membina dan mentadbir sistem pengangkutan yang mengambil kira semua orang



Singapura adalah negara yang kecil; 12% dari tanah kita telah pun diketepikan untuk membina jalan raya, berbanding dengan perumahan sebanyak 14%.




Oleh itu, anda dapat lihat mengapa kita tidak boleh membina lebih banyak jalan raya.


Tidak dapat dinafikan bahawa pengangkutan awam adalah cara yang terbaik. Menggunakan pengangkutan awam juga adalah cara yang lebih mesra alam. Walaupun kini lebih mudah untuk ramai dari kita menaiki pengangkutan awam, kami percaya ia masih boleh dibaiki.

Seperti yang dibentangkan di dalam LTMP, inilah matlamat-matlamat kami –

Menjelang 2030, anda boleh menjangkakan:



- 85% dari semua perjalanan melalui pengangkutan awam (di bawah 20km) akan mengambil masa 60 minit
- 8 dari 10 rumah akan mempunyai stesen keretapi yang terletak sejauh 10 minit dengan berjalan kaki



- 75% dari perjalanan waktu sibuk akan dilakukan melalui pengangkutan awam

Risalah ini membentangkan beberapa projek dan pelan yang dirancang dan yang masih di dalam perancangan. Kami akan menjadikan matlamat ini satu kenyataan. Sila lihat.



Lebih Banyak Sambungan

Anda Mengambil Keretapi?

Anda punya banyak tempat yang ingin dikunjungi dan kami menyediakan lebih banyak sambungan.

Bersedialah untuk peta MRT yang lebih berwarna-warni kerana kami akan menambah rangkaian MRT dua kali ganda sebanyak 360km dari 178km dalam masa 20 tahun akan datang, cukup untuk mengelilingi Singapura sebanyak dua kali.

Rangkaian keretapi kami akan lebih panjang dari Tokyo ataupun Hong Kong dan padat setanding dengan London.



“

Ah... Laluan Timur-Barat (merujuk kepada Laluan Rentas Pulau (Cross Island Line) yang merangkumi seluruh Singapura... akan memberi saya manfaat kerana ia akan memotong masa perjalanan saya dengan banyak!

”

Tan Tong Cheng
Pengurus Syarikat

Selain dari Laluan-laluan Downtown, Thomson dan Daerah Timur, ada lebih banyak lagi:

Laluan Rentas Pulau (Cross Island Line) –

Dari Timur ke Barat, Laluan ini akan merentas pulau dari Changi hingga ke Jurong. Ia juga akan menjadi alternatif kepada Laluan Timur-Barat (East-West Line).

Laluan Daerah Jurong (Jurong Region Line) –


Menyambung daerah-daerah utama di Jurong seperti Jurong West, Kawasan Perindustrian Jurong dan kawasan perumahan baru di Tengah.

Jika anda tertanya-tanya sama ada landasan keretapi sekarang akan dipanjangkan, misalnya, sama ada Laluan Circle (**Circle Line**) akan benar-benar menjadi sebuah bulatan, berhenti bertanya.

Laluan Circle (**Circle Line**) akan menjadi bulatan penuh dengan menghubungkan stesen HarbourFront dan Marina Bay menjelang sekitar 2025.

Laluan Utara Timur (**North East Line**) juga akan dilanjutkan hingga ke Punggol North, dan Laluan Downtown (**Downtown Line**) akan disambungkan pada Laluan Timur-Barat (East-West Line) dan Laluan Daerah Timur (Eastern Regional Lines).

Ini bermakna anda boleh menjangkakan sebahagian Laluan MRT akan dibuka hampir setiap tahun dari 2013 hingga ke 2021.



Anda menaiki bas?

Anda lebih gemar menaiki bas? Kami ada sesuatu untuk anda juga.

Di bawah Program Peningkatan Perkhidmatan Bas (BSEP), kami akan menambahkan 800 bas (kenaikan sebanyak 20%) pada jumlah bas sekarang dan akan memperkenalkan 40 perkhidmatan bas baru, supaya anda dapat menikmati masa menunggu yang lebih singkat dan lebih banyak ruang kosong semasa menaiki bas.

“

Laluan keretapi baru mengambil masa yang lama untuk siap, oleh itu, saya menghargai usaha memperbaiki perkhidmatan bas yang sedia ada. Jika kita inginkan peningkatan yang cepat, menambah jumlah bas adalah cara yang betul.

”

Nadarajah Loganathan
Perunding Utama

Kebanyakan peningkatan dari BSEP akan siap pada akhir 2014. Anda boleh menikmati lebih banyak sambungan pada saat itu.

Untuk mempertingkatkan lagi perjalanan anda, kami akan berkerjasama dengan pengendali bas swasta untuk menyediakan perkhidmatan bas feeder yang akan membawa anda dari rumah ke stesen MRT yang terdekat, dan juga membawa anda langsung ke Bandar dalam bas yang dinamakan 'Bas Langsung ke Bandar (City Direct)'.

Anda akan mendapati bahawa masa perjalanan dalam bas 'City Direct' setanding dengan mengambil bas / LRT ke stesen keretapi dan pindah ke MRT.

Sebagai permulaan, 10 perkhidmatan sedemikian akan diadakan. Yang pertama telahpun bermula pada bulan September 2013.

SEKARANG



Berjalan kaki?

Adakah cuaca panas dan hujan yang turun dengan tiba-tiba menghalang anda berjalan ke stesen MRT ataupun stesen penukaran bas yang terdekat?

Anda tidak perlu bimbang.

Kami akan menambah laluan yang berteduh untuk pejalan kaki untuk mempermudah dan membuat perjalanan anda ke hab pengangkutan awam yang terdekat dengan lebih selesa.

MENJELANG 2018: Laluan berteduh yang lebih panjang!






Menjelang 2018, lebih daripada 200km laluan yang berteduh untuk pejalan kaki akan dibina dan ini adalah empat kali ganda lebar Singapura.

“ Jika anda fikirkan laluan yang berteduh untuk pejalan kaki sebagai sebahagian dari perkhidmatan pengangkutan awam, ianya bermula dari rumah hingga ke tempat kerja saya. ”

Malaiya Maran S
Pengurus Perunding

**AKAN DATANG:
Rangkaian
laluan basikal
yang lebih luas**



Bergerak dengan dua roda?

Menunggang basikal tidak pernah semudah ini. Ambil basikal anda, keluar rumah dan kayuhlah ke stesen MRT yang terdekat.

Ini akan menjadi kenyataan kerana kami akan memperluaskan lagi rangkaian laluan basikal, tambahan sebanyak 90km, di beberapa estet HDB untuk menghubungkan anda ke pusat pangangkutan awam dan kemudahan-kemudahan seperti kelab masyarakat, tempat makan, perpustakaan dan sekolah-sekolah di bandar anda. Menjelang 2020, rangkaian laluan basikal akan menjadi sepanjang 190km.

Menjelang 2030, anda dapat menjangkakan rangkaian laluan basikal yang komprehensif seluas pulau (termasuk Rangkaian Sambungan Taman atau Park Connector (PCN)) sepanjang 700km. Ini bermakna anda boleh mengelilingi bandar anda ataupun ke bandar berdekatan ataupun menjelajah ke bahagian lain di Singapura, hanya dengan berbasikal!

Tidak perlu bimbang mengenai tempat meletak basikal di stesen MRT. Pada akhir tahun 2013, 2,400 tempat meletak basikal akan ditambah pada 20 stesen MRT supaya anda dapat meletakkan basikal anda dengan selamat. Menjelang 2014, lebih banyak tempat meletak basikal akan disediakan untuk kemudahan anda.

PADA TAHUN-TAHUN YANG AKAN DATANG:



Lebih dari 100 keretapi akan ditambah dari masa ke semasa bermula tahun 2014.

“

Kami sangat berterima kasih atas adanya Laluan Timur-Barat dan Utara-Selatan yang telah membawa kami ke merata pulau ini selama 26 tahun. Kerja-kerja pembaikan yang sedang dijalankan sekarang adalah satu langkah yang baik kerana kami boleh menjangkakan masa menunggu yang lebih singkat pada masa hadapan.”

Carolina Tan
Penolong Pengurus

Perkhidmatan yang Lebih Baik

Akan ada lebih banyak keretapi

Kami semua tahu bahawa dengan adanya lebih banyak keretapi bermakna masa menunggu yang lebih singkat dan kami akan sampai ke destinasi dengan lebih cepat. Kami sedang menambah keretapi untuk mencapai ini.

Ini bermakna tambahan sebanyak 30% pada Laluan Utara-Selatan Timur-Barat, 70% pada Laluan Utara-Timur dan 60% pada Laluan Circle (Circle Line).

SEMASA WAKTU SIBUK:




Meningkatkan lagi Laluan MRT sekarang

Dengan lebih banyak keretapi baru, tentunya perjalanan anda akan lebih baik. Selain itu, kami sedang menjalankan kerja-kerja peningkatan pada sistem isyarat kami supaya keretapi-keretapi di landasan-landasan lama boleh berjalan dengan lebih kerap. Apabila ianya siap, keretapi akan berjalan sekerap 100 saat pada waktu sibuk berbanding dengan 120 saat sekarang.

Oleh itu, bersedialah untuk masa menunggu yang lebih singkat, perjalanan yang lebih cepat dan lebih banyak masa untuk melakukan kegiatan yang anda gemari.

Dalam kata lain, 6 keretapi akan tiba bagi setiap 10 minit berbanding hanya 5 keretapi sekarang ini.



Naik Lif

Jika anda sudah tua, kurang upaya untuk bergerak, ataupun mempunyai anak kecil, menaiki tangga mungkin menyusahkan. Oleh itu, untuk menyenangkan perjalanan anda ke stesen keretapi ataupun pusat penukaran bas, kami akan menambah lebih banyak lif menjelang 2018 di 40 jejatas yang terletak:

- sekitar 200m dari stesen MRT, pusat penukaran bas / hab pangangkutan awam bersepadu
- 100m dari hab bas dan stesen LRT
- 100m dari poliklinik, hospital, rumah-rumah kebajikan, rumah orang tua dan sekolah-sekolah bagi mereka yang kurang upaya


Masyarakat yang inklusif dan sesuai didiami

“

Saya berpendapat bahawa sememangnya baik jika ada lif di jejatas. Tangga bergerak juga memadai untuk orang muda seperti saya. Untuk orang tua, mereka yang berkerusi roda, ibubapa yang menggunakan kereta sorong bayi ataupun mereka yang mempunyai bagasi - lif-lif sangat dihargai.

”

Liu Yi Xin
Pegawai Awam



Landasan Berbunyi: Mengurangkan lagi bunyi bising dari keretapi

Jika anda tinggal berdekatan landasan keretapi atas tanah, anda mungkin mendapati bahawa bunyi keretapi sangat bising.

Kami sedang melakukan sesuatu untuk menyelesaikan ini.

Kami telahpun mula memasang tembok-tembok yang bertujuan mengurangkan bunyi bising sepanjang 20 km di beberapa bahagian landasan MRT. Jika anda tinggal berdekatan landasan MRT di Simei dan Marsiling, anda akan dapati bunyi bising yang akan berkurangan berbanding sekarang.

Memperkuasakan diri anda

Bijak mengatur perjalanan = lebih banyak ruang untuk keselesaan

Sementara kami menjalankan kerja-kerja utama seperti menyediakan landasan baru dan menambah keretapi dan bas, tiada yang menghalang anda dari menjadi penumpang yang bijak.

Anda boleh merancang perjalanan anda dengan menggunakan MyTransport.SG di telefon bijak anda ataupun komputer. MyTransport.SG merupakan portal yang mengandungi informasi seperti masa ketibaan bas, kalkulator mengira tambang, peta sistem MRT dan lain-lain lagi. Atau ambillah kesempatan skim-skim seperti perjalanan MRT percuma sebelum waktu sibuk pagi.

Anda mungkin terperanjat akan kesannya!

“

Saya rasa perjalanan MRT yang percuma dapat menggalakkan orang ramai menaiki pengangkutan awam sebelum waktu sibuk. Dengan cara ini, kami akan dapat lebih banyak ruang! Dan saya tidak keberatan memulakan perjalanan lebih siang kerana dapat menaikinya dengan percuma.

”

Peter Holz
Penduduk Kawasanundi
Cairnhill



Buat yang betul demi perjalanan yang lebih baik

Kelakuan-kelakuan baik seperti memberi tempat duduk kepada mereka yang lebih memerlukan, beratur dan masuk ke dalam untuk mengisi ruang-ruang kosong dapat menceriaikan lagi para penumpang lain.

Oleh itu, mengapa tidak menceriaikan hari seseorang dan kembalikan senyuman dalam perjalanan?

“




Ketepi, beri orang lain kesempatan untuk turun. Masuk ke dalam, isi tempat kosong! Supaya semua sampai dengan cepat. Bertimbang rasa, itulah cara yang betul!

”

Qadariah, 11
Murid Sekolah
Rendah South View

Apa yang anda boleh jangkakan

Rumusannya, inilah yang anda boleh jangkakan dari sekarang hingga 2030:



- Lebih banyak Laluan MRT, keretapi dan bas untuk membawa anda ke lebih banyak tempat dalam masa yang singkat




- Rangkaian laluan yang berteduh untuk pejalan kaki yang lebih ekstensif supaya perjalanan anda ke stesen MRT ataupun pusat penukaran bas lebih baik



- Lebih banyak lif di jejatas untuk membantu mereka yang tua dan kurang upaya untuk bergerak



- Rangkaian laluan basikal yang lebih ekstensif - bergerak dengan berbasikal akan lebih mudah



- Kurang bunyi bising untuk mereka yang tinggal berdekatan landasan MRT

Kami tidak sabar menantikan pembangunan terbaru ini dan berharap anda begitu juga!

Land Transport Authority
We Keep Your World Moving

www.lta.gov.sg
1800-CALL LTA (1800 2255 582)
www.facebook.com/WeKeepYourWorldMoving
www.twitter.com/LTAsg

Mengimbas peta MRT kami menjelang 2030

நமது பெருவிரைவு இரயில் வரைபடம் 2030ல் எப்படி இருக்கும் என்பதைப் பாருங்கள்.

LAGENDA குறி விளக்கம்

- Laluan sekarang
தற்போதைய இரயில்தடங்கள்
- Laluan akan datang
வருங்கால இரயில்தடங்கள்

* Nama-nama yang terkandung dalam peta adalah kawasan yang akan terlibat dalam pembinaan landasan-landasan baru. La tidak menandakan lokasi asal stesen MRT tersebut. Peta ini hanya untuk rujukan sahaja.

* குறிப்பிடப்பட்டுள்ள பெயர்கள் புதிய இரயில்தடங்கள் செயல்படும் பகுதிகளைக் குறிக்கின்றன. அவை பெருவிரைவு இரயில் நிலையங்கள் அமையவிருக்கும் இடங்களைக் குறிக்கவில்லை. இந்த வரைபடத்தை வழிகாட்டியாக மட்டுமே கருதவேண்டும்.

